

SOALAN LAZIM (FAQ)

1. **S: Apakah Syarat Permohonan BR1M?**
J: Syarat permohonan adalah pemohon mestilah Warganegara Malaysia dan mempunyai pendapatan kasar isi rumah RM3,000 dan ke bawah sebulan.
2. **S: Siapa yang layak memohon BR1M?**
J: BR1M boleh dipohon oleh ketua isi rumah atau ketua keluarga. Ketua isi rumah merujuk kepada seorang lelaki atau perempuan yang menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM3,000 dan ke bawah. Ini merangkumi individu:

 - ✓ berkahwin;
 - ✓ ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan;
 - ✓ bujang yang mempunyai tanggungan; dan
 - ✓ Warga emas (berumur 60 tahun ke atas) sebatang kara
3. **S: Bilakah saya boleh mula memohon?**
J: Anda boleh memohon bermula pada 10 Disember 2011 hingga 10 Januari 2012.
4. **S: Bagaimana cara untuk saya memohon?**
J: Anda boleh memohon dengan mengisi Borang Permohonan BR1M. Borang BR1M ini adalah PERCUMA.
5. **S: Di mana saya boleh mendapatkan borang permohonan tersebut?**
J: Anda boleh mendapatkan borang permohonan di:

 - ✓ Pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan;
 - ✓ Jabatan Kebajikan Masyarakat;
 - ✓ Jabatan Penerangan;
 - ✓ Cawangan / Pusat Khidmat Hasil LHDNM;
 - ✓ Akhbar tempatan; dan
 - ✓ Muat turun dari laman web Kementerian Kewangan di alamat www.treasury.gov.my
6. **S: Apakah dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan?**
J: Dokumen yang perlu dikemukakan semasa menghantar borang permohonan ialah seperti berikut:

 - ✓ salinan MyKad / Kad Polis / Kad Tentera; dan
 - ✓ salinan penyata / slip gaji terkini bagi yang menerima gaji sahaja.

7. **S: Perlukah mendapat pengesahan mengenai pendapatan bulanan?**
- J: Tidak perlu pengesahan pendapatan bulanan. Hanya perlu menyatakan pendapatan bulanan seperti berikut:
- ✓ Bagi yang bekerja dan pesara Kerajaan, dikehendaki untuk mengemukakan salinan penyata gaji dan penyata pencen bulanan.
 - ✓ Bagi yang bekerja sendiri dikehendaki untuk menyatakan anggaran pendapatan/keuntungan bulanan sahaja (*self declaration*).
 - ✓ Bagi yang tidak bekerja, dikehendaki untuk menyatakan anggaran pendapatan bulanan sekiranya ada (*self declaration*).
8. **S: Saya telah berkahwin tetapi tiada anak, adakah saya layak mendapat bantuan ini?**
- J: Anda layak mendapat bantuan ini dengan syarat jumlah pendapatan isi rumah adalah $\leq$ RM3,000.
9. **S: Saya masih bujang dan tinggal bersama ibu (ayah telah meninggal dunia). Ibu tidak bekerja dan saya yang menyara kehidupan ibu saya. Adakah saya layak mendapat bantuan ini?**
- J: Anda layak mendapat bantuan ini dengan syarat jumlah pendapatan isi rumah adalah $\leq$ RM3,000 dan melaporkan maklumat tanggungan pada borang.
10. **S: Saya masih bujang dan tidak tinggal bersama ibu (ayah telah meninggal dunia). Ibu tidak bekerja serta tinggal seorang diri dan saya yang menyara kehidupan ibu saya. Adakah saya layak mendapat bantuan ini?**
- J: Anda tidak layak mendapat bantuan ini kerana tanggungan tidak tinggal bersama. Walau bagaimanapun, Ibu anda layak untuk mendapat bantuan ini kerana ia tinggal bersendirian dan pendapatan $\leq$ RM3,000 jika ibu berumur 60 tahun dan ke atas.
11. **S: Saya berpoligami dan isteri kedua tinggal berasingan. Pendapatan isi rumah adalah $\leq$ RM3,000. Adakah saya layak mendapat 2 kali bantuan ini?**
- J: Anda layak mendapat bantuan sekali sahaja. Walau bagaimanapun, isteri kedua yang tinggal berasingan layak membuat tuntutan tersebut secara berasingan dengan syarat pendapatan isi rumah bagi isteri kedua adalah $\leq$ RM3,000.

Cara pengisian borang:

- i) Suami membuat permohonan dengan memasukkan maklumat isteri pertama pada ruangan B2.

- ii) Isteri kedua membuat permohonan dengan memasukkan maklumat anda (suami) pada ruangan B2.
12. **S: Saya berpoligami dan tinggal bersama kedua-dua isteri saya. Pendapatan isi rumah adalah ≤RM3,000. Adakah saya layak mendapat 2 kali bantuan ini?**
- J: Anda layak mendapat bantuan sekali sahaja kerana kesemua tanggungan tinggal dalam rumah yang sama.
13. **S: Saya telah bercerai dan tidak mempunyai tanggungan. Adakah saya layak mendapat bantuan ini?**
- J: Anda tidak layak untuk mendapat bantuan ini.
14. **S: Saya telah berkeluarga dan tinggal serumah bersama saudara saya yang juga telah berkeluarga. Adakah saya dan saudara saya layak mendapat bantuan ini?**
- J: Anda dan saudara anda layak mendapat bantuan ini jika jumlah pendapatan setiap keluarga ≤RM3,000.
15. **S: Saya berumur 60 tahun, tinggal bersendirian di kampung. Anak-anak semuanya tinggal di bandar. Adakah saya layak mendapat bantuan ini?**
- J: Anda layak mendapat bantuan ini, jika jumlah pendapatan anda ≤RM3,000.
16. **S: Bilakah dan bagaimana saya boleh terima wang bantuan ini?**
- J: Proses pembayaran hanya bermula 15 Januari 2012. Wang bantuan akan dibayar melalui baucar tunai yang boleh ditunaikan oleh pemohon di bank-bank terpilih.
17. **S: Keuntungan bersih sebagai peniaga kecil-kecilan adalah RM3,500 sebulan dan selepas ditolak perbelanjaan keluarga, pendapatan saya tinggal RM2,000 sahaja. Adakah saya layak untuk mendapat bantuan ini?**
- J: Anda tidak layak kerana syarat mestilah pendapatan/ keuntungan ≤RM3,000.

18. **S: Saya warganegara asing dan isteri saya warganegara Malaysia. Adakah saya layak mendapat bantuan ini?**

J: Bantuan ini adalah untuk warganegara Malaysia sahaja.

19. **S: Jika seseorang memberi maklumat palsu, apakah tindakan yang akan dikenakan?**

J: Seseorang boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara sampai tiga tahun dan denda.

20. **S: Di mana saya boleh menghantar borang permohonan tersebut?**

J: Anda boleh menghantar borang permohonan di kaunter-kaunter berikut:

- ✓ Pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan;
- ✓ Cawangan / Pusat Khidmat Hasil LHDNM; dan
- ✓ Sekolah-sekolah terpilih.